Mayban Assurance Bhd lwn Sufian Mohd Said

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R1-11-127 TAHUN 96
ABDUL KADIR SULAIMAN H
16 MAC 1998

Undang-Undang Keterangan *— Afidavit — Kebolehterimaan — Ekshibit dimasukkan sebagai lampiran kepada afidavit semasa permohonan di peringkat interlokutori — Tidak diketengahkan sebagai ekshibit dalam perbicaraan penuh — Dikemukakan di dalam hujah peguam-peguam — Sama ada penerimaan ekshibit telah menidakkan hak perayu untuk menyoalbalas deponen afidavit dan melanggar tatasusila keadilan semulajadi — Sama ada ekshibit boleh diterima sebagai keterangan*

Perayu mengatakan bahawa penentang dan defendan kedua telah menandatangani satu perjanjian tanggung rugi ('perjanjian tersebut') sebagai balasan perayu memberi gerenti insuran kepada Kerajaan Malaysia berhubung dengan kerja kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 oleh Le Subazi Sdn Bhd. Akibat tuntutan dari Kerajaan Malaysia, perayu telah pun membuat bayaran sebanyak RM20,354.20. Perayu seterusnya memberi notis tuntutan wang sejumlah itu kepada penentang. Penentang menyatakan bahawa ia tidak tertanggung kerana tuntutan tersebut adalah terhadap kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/8/86 dan bukannya kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 seperti yang diperuntukkan di dalam perjanjian tersebut. Tuntutan perayu di mahkamah majistret telah ditolak atas alasan bahawa perayu telah gagal membuktikan satu kes prima facie ke atas penentang. Menurut magistret, tindakan oleh pihak Kerajaan Malaysia menggerakkan perlaksanaan gerenti insuran atau gerenti perlaksanaan ke atas perayu adalah 'unconscionable and unjustifiable' kerana rekod dan dokumen-dokumen bagi pihak Kerajaan Malaysia sendiri mendedahkan bahawa keseluruhan projek yang diberi kepada kontraktor, Le Subazi, telah pun disempurnakan dan diperbetulkan sehingga menyebabkan pihak Kerajaan Malaysia mengeluarkan satu sijil perlaksanaan pembaikan kecacatan pada projek yang bertarikh 27 Februari 1990 ('eks 'SMS-1'). Sijil tersebut telah dimasukkan sebagai lampiran kepada afidavit balasan penentang bagi menentang permohonan perayu di peringkat interlokutori antara perayu dengan penentang. Ekshibit 'SMS-1' ini tidak diketengahkan sebagai ekshibit dalam perbicaraan penuh di hadapan majistret tetapi dikemukakan di dalam hujah peguam-peguam yang mewakili kedua-dua pihak. Perayu merayu.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Mengikut ekshibit-ekshibit, jelaslah bahawa pembelaan penentang adalah tidak berasas kerana perjanjian tanggung rugi dan gerenti insuran yang berkenaan adalah berhubung dengan kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 dan bukan JKR/LKTP/PHG/P/8/86 seperti yang dinyatakan di dalam pembelaannya (lihat ms 175E).

(2) Majistret telah tersalah arah apabila menerima eks SMS-1 sebagai keterangan dalam kes walaupun ekshibit itu tidak diketengahkan sebagai ekshibit dalam perbicaraan penuh di hadapan majistret tetapi dikemukakan di dalam hujah peguam-peguam yang mewakili kedua-dua pihak. Jikapun ekshibit itu diketengahkan di dalam kes ini, ia hanya menyentuh hal antara Kerajaan Malaysia dengan kontraktor dan isu sama ada ia adalah 'unconscionable and unjustifiable' atau tidak adalah persoalan lain yang tidak boleh menjejaskan hak perayu untuk menuntut di bawah perjanjian tanggung rugi tersebut. Majistret telah terkeliru oleh isu eks 'SMS-1' di dalam prosiding interlokutori dengan isu sebenarnya iaitu sama ada berasaskan perjanjian tanggung rugi penentang adalah tertanggung kepada perayu (lihat ms 176A–C dan E).

(3) Pihak penentang telah gagal di dalam membuktikan sama ada melalui keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi perayu atau melalui keterangannya sendiri bahawa surat perjanjian tanggung rugi tersebut adalah terhadap kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/8/86 yang dimaksudkannya itu. Sebaliknya, perayu telah berjaya membuktikan bahawa surat perjanjian tanggung rugi adalah terhadap kontrak No JKR/LKTP/PHG/7/86 serta faedah dan kos di dalam pernyataan tuntutannya. Oleh yang demikian, majistret telah membuat keputusannya di atas asas yang salah (lihat ms 176G dan 177A).

(4) Dengan memasukkan sesuatu afidavit yang tidak timbul melalui keterangan saksi di dalam perbicaraan — tetapi hanya timbul semasa berhujah di mana bangkangan dari pihak perayu ditolak oleh majistret — akan menidakkan hak perayu untuk menyoalbalas deponen afidavit tersebut yang secara langsung telah melanggar tatasusila keadilan semulajadi. Lainlah jika ia telah dimasukkan sebagai satu keterangan di dalam perbicaraan melalui prosedur yang ditentukan dengan pihak perayu diberi pilihan untuk menyoalbalas deponen afidavit tersebut. Soal memberi peluang kepada perayu 'to blow hot and cold at two stages' tidak berbangkit langsung (lihat ms 177E–F).

(5) Afidavit di dalam prosiding belum selesai merupakan satu pliding. Maka, A 18 k 8(1)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang menyentuh hal pliding adalah juga terpakai kepada afidavit. Walaupun afidavit merupakan kenyataan bersumpah, ia tidak secara begitu sahaja boleh diterima sebagai keterangan oleh semata-mata kerana ia adalah suatu afidavit. Proses untuk menghalalkannya digunakan sebagai keterangan yang boleh diterima di dalam perbicaraan melalui keterangan lisan saksi perlulah dipatuhi. Di dalam kes ini, ia tidak dipatuhi mengikut cara tersebut. Jika afidavit tidak boleh diterima sebagai keterangan semestinyalah juga akan ekshibit-ekshibit yang berkaitan dan terkandung di dalamnya (lihat ms 177G–I).

(6) Isu prosiding interlokutori yang telah dijalankan di hadapan majistret yang sama tidak harus ditimbulkan kerana seseorang majistret semasa menjalankan perbicaraan penuh tidak boleh mengambil kira keterangan yang diperolehinya di luar prosiding yang sedang dijalankan itu. Isu kejutan kepada perayu adalah tidak relevan di sini kerana isunya ialah sama ada apa yang dikemukakan itu merupakan satu keterangan yang boleh diterima mengikut undang-undang (lihat ms 178B–C).

[English summary

The appellant contended that the respondent and the second defendant signed an indemnity agreement ('the said agreement') in return for the appellant giving an insurance guarantee to the government of Malaysia in relation to contractual works No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 by Le Subazi Sdn Bhd. As a result of a claim by the Malaysian government, the appellant made a payment of RM20,354.20. The appellant then issued a notice of demand for that sum to the respondent. The respondent said that he was not liable as the demand was in relation to contract No JKR/LKTP/PHG/P/8/86 and not contract No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 as provided in the said agreement. The appellant's claim in the magistrate's court was dismissed on the ground that the appellant failed to prove a prima facie case against the respondent. According to the magistrate, the move by the Malaysian government to ***menggerakkan perlaksanaan gerenti insuran atau gerenti perlaksanaan*** against the appellant was 'unconscionable and unjustifiable' because the record and documents of the Malaysian government themselves expose that the whole of the project awarded to the contractor, Le Subazi, was perfected and corrected to the extent that the Malaysian government issued a certificate of correction of the defects in the project dated 27 February 1990 ('exh 'SMS-1'"). The said certificate was included as an annexure to the respondent's affidavit in reply objecting to the appellant's interlocutory application. Exhibit 'SMS-1' was not adduced as an exhibit in the full trial before the magistrate but was submitted in counsels' arguments for both parties. The appellant appealed.

Held, allowing the appeal:

(1) It is clear from the exhibits that the respondent's defence has no merit as the said agreement relates to contract No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 and not JKR/LKTP/PHG/P/8/86 as provided in his defence (see p 175E).

(2) There was a misdirection when the magistrate accepted exh SMS-1 as evidence in the case even though the exhibit was not adduced as an exhibit in the full trial before the magistrate but was submitted in both parties' counsels' arguments. Even if the exhibit was adduced in this case, it only touches on the matter

between the Malaysian government and the contractor and the issue of whether it was 'unconscionable and unjustifiable' is another question which does not affect the appellant's right to claim under the said agreement. The magistrate had confused the issue of exh 'SMS-1' in the interlocutory proceeding with the real issue, that is whether based on the said agreement, the respondent was liable to the appellant (see p 176A–C and E).

(3) The respondent had failed to prove whether through the evidence adduced by the appellant's witnesses or his own evidence that the said agreement was in relation to contract No JKR/LKTP/PHG/P/8/86. However, the appellant succeeded in proving that the said agreement was in relation to contract No JKR/LKTP/PHG/7/86 as well as the interest and cost in his statement of claim. Therefore, the magistrate had made his decision on the wrong ground (see pp 176G dan 177A).

(4) Admitting an affidavit that did not arise in witness' evidence in the trial — but only arose during arguments where the appellant's objections were rejected by the magistrate — would remove the appellant's right to cross-examine the affidavit's deponent which would directly be in breach of the rules of natural justice. It would be different if it was entered as evidence in the trial through the stipulated procedures with the appellant given the choice to cross-examine the affidavit's deponent. The question of giving an opportunity to the appellant 'to blow hot and cold at two stages' does not arise at all (see p 177E–F).

(5) An affidavit in an unconcluded proceeding is a pleading. Thus, O 18 r 8(1)(b) of the Rules of the High Court 1980 which touches on pleadings is also applicable to affidavits. Even though an affidavit is a sworn statement, it cannot be accepted as evidence just for the mere fact that it is an affidavit. The process to legalize the affidavit before it may be admitted as evidence in a trial through the oral evidence of a witness should be adhered to. In this case, it should not have been adhered to in the said manner. If the affidavit cannot be admitted as evidence, certainly the relevant exhibits contained in it cannot be admitted (see p 177G–I).

(6) The issue in the interlocutory proceeding commenced before the same magistrate should not arise, as a magistrate conducting a full trial cannot take into consideration evidence obtained outside the proceeding. The issue of surprise to the appellant is not relevant here because the issue here is whether the evidence sought to be adduced is admissible by law (see p 178B–C).]

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai kebolehterimaan sesuatu affidavit, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan-perenggan 120–122.

Kes-kes yang dirujuk

Esso Petroleum Malaysia Inc lwn Kago Petroleum Sdn Bhd [1995] 1 AMR 189 (dirujuk)

Kirames Sdn Bhd lwn Federal Land Development Authority [1991] 2 MLJ 198 (dirujuk)

Kwan Yoon Fatt & Sons Sdn Bhd & Satu lagi lwn Trends Building Sdn Bhd & Yang lain [1994] 4 CLJ 996 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 26A
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 8 (1)(b)

Chandrasekar (*Nik Hussain & Partners*) bagi pihak perayu.
Shamsuddin bin Hj Nawawi (*Shamsuddin & Co*) bagi pihak penentang.

Cur Adv Vult

Abdul Kadir Sulaiman H: Mengikut pernyataan tuntutan perayu, pada 28 September 1986 penentang dan defendan kedua telah menandatangani satu perjanjian tanggung rugi sebagai balasan perayu memberi gerenti insuran kepada Kerajaan Malaysia berhubung dengan kerja kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 oleh Le Subazi Sdn Bhd. Perjanjian gerenti insuran telah ditandatangani oleh perayu pada 14 Ogos 1986. Di bawah gerenti insuran tersebut, perayu telah pun membuat bayaran sebanyak RM20,354.30 kepada Kerajaan Malaysia akibat kecacatan kerja kontrak oleh Le Subazi Sdn Bhd. Pada 22 April 1991, perayu telah memberi notis tuntutan wang sejumlah itu daripada penentang di bawah perjanjian tanggung rugi itu. Tuntutan perayu di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur ialah terhadap wang RM20,354.30 itu bersama faedah pada kadar 9% di atas kadar prime setahun dari 22 April 1991 sehingga tarikh penyelesaian bayaran dan kos.

Penentang di dalam pernyataan pembelaannya mengaku menandatangani perjanjian surat tanggung rugi pada 28 September 1986 tetapi menyatakan bahawa perjanjian tanggung rugi tersebut adalah terhadap satu kontrak pembinaan lain yang dikenal pasti sebagai kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/8/86 dan dengan yang demikian adalah tidak tertanggung terhadap tuntutan perayu itu. Penentang mengaku menerima surat tuntutan dari perayu bertarikh 22 April 1991 tetapi tidak tertanggung kerana ia adalah terhadap kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/8/86.

Dengan yang demikian, isunya ialah sama ada penentang tertanggung untuk menanggung rugi perayu terhadap kontrak pembinaan No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 seperti yang dituntut oleh perayu ke atasnya itu. Mengikut bukti yang diperolehi di dalam perbicaraan di hadapan majistret, kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 (eks 'P-15') ialah untuk membina dan menyiapkan dua blok bangunan sekolah, kantin, padang dan lain-lain kerja bersangkutan di Sekolah Kebangsaan Lepar Hilir III dan sembilan

buah rumah guru dan lain-lain kerja bersangkutan di Sekolah Kebangsaan Lepar Hilir I dan II, Kuantan, Pahang Darulmakmur. Nama pemborong ialah Le Subazi Sdn Bhd. Ekshibit 'P-1' ialah gerenti insuran atau gerenti perlaksanaan yang ditandatangani oleh perayu bertarikh 14 Ogos 1986 yang menyebut bahawa perjanjian tersebut adalah tambahan kepada Kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 antara Le Subazi Sdn Bhd dengan Kerajaan Malaysia. Di bawah perjanjian ini, perayu mengaku akan membayar kepada Kerajaan Malaysia sebanyak RM41,836.38 dalam tempoh tiga bulan selepas menerima satu notis bertulis menghendaki perayu membayar kepada kerajaan di atas apa-apa perlanggaran oleh kontraktor terhadap kewajipannya di bawah kontrak tersebut. Mengikut eks 'P-3' pula, ia ialah perjanjian tanggung rugi yang ditandatangani oleh penentang mengaku untuk menanggungrugi perayu yang telah memberi gerenti kepada Kerajaan Malaysia setakat RM41,836.38 untuk meliputi perlaksanaan sempurna kontraktor Le Subazi Sdn Bhd bersabit dengan membina dan menyiapkan dua blok bangunan sekolah, kantin, padang dan lain-lain kerja bersangkutan di Sekolah Kebangsaan Lepar III dan sembilan buah rumah guru dan lain-lain kerja bersangkutan di Sekolah Kebangsaan Lepar I dan II, Kuantan, Pahang Darulmakmur yang dikenali sebagai kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/7/86. Maka dengan ini, jelaslah bahawa pembelaan penentang adalah tidak berasas kerana perjanjian tanggung rugi dan gerenti insuran yang berkenaan adalah berhubung dengan kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 dan bukan JKR/LKTP/PHG/P/8/86 seperti yang dinyatakan di dalam pembelaannya.

Daripada keterangan bagi pihak perayu, telah dibuktikan bahawa melalui eks 'P-4' dan 'P-24', perayu telah menjelaskan kepada Kerajaan Malaysia melalui MBB Cek No 024038 bertarikh 10 November 1989 wang sebanyak RM20,354.30 berasaskan tuntutan Kerajaan Malaysia seperti yang terkandung di dalam surat menyurat yang dibuktikan mengikut eks 'P-6', 'P-7', 'P-8', 'P-9', 'P-10', 'P-11', 'P-12', 'P-13', 'P-22' dan 'P-23'. Di dalam perbicaraan di hadapan majistret, penentang telah tidak mengemukakan apa-apa keterangan di atas alasan tiada kes untuk dijawab. Dari bukti-bukti yang terkumpul itu, majistret telah menolak tuntutan perayu terhadap penentang dan rayuan ini adalah terhadap keputusan tersebut.

Melalui alasan penghakimannya, majistret menolak tuntutan perayu kerana perayu telah gagal membuktikan satu kes prima facie ke atas penentang. Alasannya ialah tindakan oleh pihak Kerajaan Malaysia menggerakkan perlaksanaan gerenti insuran atau gerenti perlaksanaan bertarikh 14 Ogos 1986 ke atas perayu adalah 'unconscionable and unjustifiable' kerana rekod dan dokumen-dokumen bagi pihak Kerajaan Malaysia sendiri mendedahkan bahawa keseluruhan projek yang diberi kepada kontraktor, Le Subazi telah pun disempurnakan dan diperbetulkan sehingga menyebabkan pihak Kerajaan Malaysia mengeluarkan satu sijil perlaksanaan pembaikan kecacatan pada projek, yang bertarikh 27 Februari 1990. Sijil ini terdapat di halaman 132 rekod rayuan Jilid I, iaitu eks 'SMS-1' kepada afidavit balasan penentang yang diikrarkan pada 19 Mei 1993 bagi menentang permohonan perayu di peringkat interlokutori di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 antara perayu

dengan penentang. Ekshibit 'SMS-1' ini tidak diketengahkan sebagai ekshibit dalam perbicaraan penuh di hadapan majistret tetapi dikemukakan di dalam hujah peguam-peguam yang mewakili kedua-dua pihak. Dengan yang demikian, ia tidak boleh menjadi keterangan di dalam kes yang di hadapan majistret. Dengan yang demikian, majistret telah tersalah arah apabila menerimanya sebagai keterangan dalam kes. Tetapi kalau pun ekshibit ini diketengahkan sebagai ekshibit dalam kes, ia adalah menyentuh hal antara Kerajaan Malaysia dengan kontraktor dan sama ada ia adalah 'unconscionable and unjustifiable' atau tidak di pihak Kerajaan Malaysia menuntut dari perayu berasaskan gerenti insuran adalah satu persoalan lain yang tidak boleh menjejaskan hak perayu menuntut daripada penentang di bawah perjanjian tanggung rugi jika benar-benar di bawah undang-undang perayu mempunyai hak ke atasnya.

Di dalam alasan penghakimannya, majistret dengan memutuskan bahawa bersandarkan kes *Esso Petroleum Malaysia Inc lwn Kago Petroleum Sdn Bhd* [1995] 1 AMR 189 dan *Kirames Sdn Bhd lwn Federal Land Development Authority* [1991] 2 MLJ 198, gerenti insuran yang diberi oleh perayu kepada Kerajaan Malaysia adalah satu 'on demand performance bond' dan dengan yang demikian perayu adalah terikat untuk memenuhi tanggungjawabnya di bawah gerenti insuran tersebut dengan membuat bayaran yang dituntut kepada Kerajaan Malaysia, telah terus menidakkan hak perayu ke atas penentang di bawah perjanjian tanggung rugi. Ini semata-mata kerana ketiadaan 'sifat perikemanusiaan' Kerajaan Malaysia terhadap perayu yang telah membuat pembayaran kepadanya tanpa lengah. Pada pandangan saya, fikiran majistret telah terkeliru oleh isu eks 'SMS-1' di dalam prosiding interlokutori dengan isu sebenarnya yang di hadapannya. Isu sebenar di hadapannya ialah sama ada berasaskan perjanjian tanggung rugi (eks 'P-3') penentang adalah tertanggung kepada perayu.

Perlu diulangi bahawa pembelaan penentang melalui pernyataan pembelaannya hanyalah bahawa ia tidak tertanggung di atas tuntutan perayu disebabkan surat perjanjian tanggung rugi yang ditandatanganinya pada 28 September 1986 adalah terhadap kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/8/86 dan bukan terhadap kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/7/86 seperti yang dikatakan oleh perayu itu. Ini penentang telah gagal buktikan sama ada melalui keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi perayu atau melalui keterangannya sendiri. Sebaliknya, perayu telah membuktikan bahawa surat perjanjian tanggung rugi adalah terhadap kontrak No JKR/LKTP/PHG/P/7/86. Mengikut klausa 1 eks 'P-3' tersebut, penentang telah bersetuju membuat tanggung rugi kepada perayu terhadap kesemua tindakan, prosiding, liabiliti, tuntutan, kerugian, kos dan perbelanjaan yang akibat dari gerenti insuran tersebut. Tuntutan perayu ke atas penentang adalah akibat dari tanggungan yang telah disempurnakan oleh perayu kepada Kerajaan Malaysia berjumlah sebanyak RM20,354.30 seperti yang dibuktikan oleh eks 'P-4', 'P-24' dan 'P13'. Penentang juga telah mengakui menerima surat tuntutan daripada perayu bertarikh 22 April 1991 yang merujuk kepada hal kontrak No JKR/LKTP/PHG/7/86 yang penentang telah gagal menyatakan sebaliknya. Perayu juga telah berjaya membuktikan

tuntutannya terhadap faedah dan kos seperti yang khusus diperuntukkan di dalam klausa-klausa 1 dan 3 kepada eks 'P-3' tersebut. Dengan yang demikian, di atas asas yang salah majistret telah tersilap di dalam membuat keputusannya menolak tuntutan perayu.

Seperti yang dikatakan awal tadi majistret telah salah terima eks 'SMS-1' dan hasilnya telah mengecewakan perayu di dalam tuntutannya terhadap penentang. Ekshibit 'SMS-1' ini terkandung di dalam afidavit balasan penentang yang tertera di halaman 126 rekod rayuan Jilid 1. Afidavit dan ekshibit ini tidak timbul melalui keterangan saksi di dalam perbicaraan tetapi hanya timbul semasa berhujah. Di hadapan majistret, peguam perayu sekerasnya membangkang di atas percubaan peguam penentang membuat rujukan kepada afidavit ini. Majistret menolak bangkangan ini seperti yang dinyatakan di halaman 66 rekod rayuan Jilid 1 seperti berikut:

> It is axiomatic that parties in a trial should have a free hand to introduce whatever documents they wish to in order to support their case provided always it is in accordance with the rules of the court. Affidavit evidence are sworn testimony. It is even more powerful than the pleadings prepared by the solicitors.

Persoalannya di sini ialah sama ada kemasukan afidavit ini sebagai keterangan dilakukan mengikut kehendak peraturan mahkamah. Tidak dinafikan bahawa sesuatu afidavit itu adalah keterangan bersumpah. Tetapi dengan memasukkannya secara sedemikian ia menidakkan hak perayu untuk menyoalbalas deponen afidavit tersebut yang secara langsung telah melanggar tatasusila keadilan semulajadi. Lainlah jika ia telah dimasukkan sebagai satu keterangan di dalam perbicaraan melalui prosidur yang ditentukan dengan pihak perayu diberi pilihan untuk menyoalbalas deponen afidavit tersebut. Soal memberi peluang kepada perayu 'to blow hot and cold at two stages' melalui cara yang telah dilakukan oleh peguam penentang di dalam hal ini adalah tidak berbangkit langsung. Di dalam hal ini, majistret telah tersalah mengertikan dikta di dalam kes *Kwan Yoon Fatt & Sons Sdn Bhd & Satu lagi lwn Trends Building Sdn Bhd & Yang lain* [1994] 4 CLJ 996 seperti yang dicatat oleh majistret di dalam alasan penghakimannya. Tidak dinafikan bahawa afidavit di dalam prosiding belum selesai merupakan satu pliding seperti juga pernyataan tuntutan dan pernyataan pembelaan. Dengan yang demikian, A 18 k 8(1)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang menyentuh hal pliding adalah juga terpakai kepada afidavit. Tetapi persoalannya di sini bagaimana caranya untuk afidavit yang digunakan di dalam prosiding interlokutori boleh diterima sebagai keterangan di dalam perbicaraan penuh seperti keterangan-keterangan yang lain? Ia walaupun merupakan kenyataan bersumpah tidak secara begitu sahaja boleh diterima sebagai keterangan oleh kerana ia adalah suatu afidavit. Proses untuk menghalalkannya digunakan sebagai keterangan yang boleh diterima di dalam perbicaraan melalui keterangan lisan saksi perlulah dipatuhi. Tetapi di dalam hal ini, ia tidak dipatuhi mengikut cara yang saya sebutkan awal tadi. Jika afidavit tidak boleh diterima sebagai keterangan semestinyalah juga akan ekshibit-ekshibit yang berkaitan dan terkandung di dalamnya. Di hadapan saya di dalam rayuan ini, peguam penentang berhujah mempertahankan keputusan salah majistret

tersebut dengan berhujah bahawa eks 'SMS-1' merupakan dokumen kerajaan dan dengan yang demikian ia adalah dokumen awam yang tidak boleh disembunyikan daripada pengetahuan mahkamah di dalam membuat keputusan secara adil. Soal menyembunyikannya tidak timbul. Masalahnya bagaimana supaya ia boleh dianggap sebagai keterangan yang boleh diterima? Mengapa tidak penentang sebagai deponen dipanggil untuk secara formal memberi keterangan bersabit dengan afidavit dan ekshibit-ekshibitnya supaya ia memberi peluang kepada perayu untuk menyoalbalasnya? Isu prosiding interlokutori dijalankan di hadapan majistret yang sama tidak harus ditimbulkan kerana seseorang majistret semasa menjalankan perbicaraan penuh tidak boleh mengambil kira keterangan yang diperolehinya di luar prosiding yang sedang dijalankan itu. Juga isu kejutan kepada perayu adalah tidak relevan di sini kerana isunya ialah sama ada apa yang dikemukakan itu merupakan satu keterangan yang boleh diterima mengikut undang-undang. Kemudian peguam penentang berhujah bahawa kewujudan eks 'SMS-1' ini telah ditanyakan kepada SP2 Narayanan s/o KSA Narayanan seperti yang terdapat di halaman 19 rekod rayuan Jilid 1. Saya cuba mencarinya tetapi tidak kedapatan. Mungkin yang berikut dimaksudkan:

> Letter dated 27 December 1990 referred. During this period, I was no longer with JKR. And I did not sign it.

Seperti diketahui, eks 'SMS-1' adalah bertarikh 27 Februari 1990 tetapi apa yang dikaitkan dengan keterangan SP2 ialah surat bertarikh 27 Disember 1990. Katakanlah tarikh telah salah ditulis di dalam nota keterangan. Apa yang sebenar dimaksudkan ialah surat bertarikh 27 Februari 1990 dan surat ini ialah eks 'SMS-1'. Dari jawapan yang diberi oleh saksi, ia tidak memberi apa-apa kesan yang berfaedah kepada penentang. Cara begini sahaja tidak menjadikan ekshibit berkenaan sebagai satu keterangan yang boleh diterima. Pembuat eks 'SMS-1' ialah SP3. Hujahan peguam seterusnya yang meletakkan beban memasukkan ekshibit tersebut ke bahu perayu adalah tanpa asas langsung. Dengan yang demikian, prinsip pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak berbangkit. Ia merupakan pembelaan penentang. Jika demikian, beban bukti adalah terpikul olehnya. Walau bagaimanapun, isu ini tidak berbangkit di dalam plidingnya. Ia menafikan tanggungannya di atas alasan bahawa perjanjian tanggung rugi adalah terhadap kontrak yang lain yang telah dibuktikan oleh perayu sebaliknya.

Berasaskan kepada pendapat saya seperti di atas, adalah nyata sekali bahawa perayu telah membuktikan kesnya ke atas penentang dan tanpa salah arah dan salah terima keterangan oleh majistret keputusannya sudah tentu tidak terjadi sedemikian. Dengan yang demikian, rayuan perayu adalah dibenarkan seperti yang dituntut dengan kos di sini dan di mahkamah majistret. Keputusan majistret adalah dengan ini diketepikan. Penghakiman kepada perayu.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Hanim Kamaruddin